



KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat, Kelab dan Orang Perseorangan bagi;

PENGURUSAN PEMBERSIHAN MEDAN SELERA LOT 134 TAMAN BANDAR, TANJONG MALIM

2. Borang – borang tawaran dan Syarat – syarat pajakan boleh diperolehi secara **PERCUMA** di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Tanjong Malim pada waktu pejabat dari **24 Oktober 2018** hingga **07 November 2018**.
3. Borang tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang bertanda '**PENGURUSAN PEMBERSIHAN MEDAN SELERA LOT 134 TAMAN BANDAR TANJONG MALIM**' di sebelah kiri bahagian atas sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau **sebelum 07 November 2018 Jam 12.00 tengah hari**.
4. Tiap – tiap tawaran hendaklah disertakan dengan Cek / Wang Kiriman Pos (berpaling) berharga RM 100.00 dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Wang Pertaruhan ini akan hilang atau dirampas jika sekiranya penender yang berjaya enggan atau ingkar menerima pajakan. Wang pertaruhan kepunyaan penender - penender yang tidak berjaya akan dikembalikan.
5. Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali atau sebarang tawaran dan boleh memanggil semula tawaran jika didapati tawaran – tawaran yang diterima atau bilangan penender – penender yang diterima tidak memuaskan.


(FAIZAL NIZAM BIN MD NOR)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim

Bertarikh : Oktober 2018